

28 SEP 2001

MAJLIS TINDAKAN RAKYAT K'TAN SERAH DEKLARASI KEPADA KEDUTAAAN AS

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Majlis Tindakan Rakyat Kelantan hari ini menyerahkan satu deklarasi yang menggesa diwujudkan keamanan dunia, kepada Kedutaan Amerika Syarikat di sini.

Deklarasi itu diserahkan oleh presiden majlis berkenaan, Datuk Ibrahim Ali kepada setiausaha pertama yang juga pegawai politik di kedutaan itu, W.Gary Gray.

"Deklarasi ini dialamatkan kepada Presiden George W.Bush yang menerangkan pentingnya misi keamanan dunia dan kita tidak mahu Amerika Syarikat menggunakan ketenteraan untuk membalas dendam terhadap Afghanistan atau mana-mana negara lain," kata Ibrahim yang diiringi 15 anggota exco, kepada pemberita.

Dalam deklarasi itu, majlis berkenaan turut mengutuk sebarang serangan ke atas Afghanistan yang akan menjejaskan kebebasan awam dan sindiran lain yang mengaitkan keganasan dengan Islam.

Ibrahim berkata majlis itu menyokong gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad "supaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu wajar menganjurkan persidangan dunia mengenai keganasan supaya dapat mendefinisikan penganas kerana tidak semua penganas adalah orang Islam.

-- BERNAMA

CS AHH LAT